



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI




BUKU PANDUAN

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

SESI II : 2023 / 2024



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II : 2023/2024

PENAUNG

ABDUL MALEK BIN HASSAN
Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

PENASIHAT

NORLILI JUWITA BINTI ARSHAD
Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

EDITOR

MAZRUL HISYAM BIN MAT ALI
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

PENULIS

SYAZWANI BINTI SOBRI (Pegawai Hal Ehwal Pelajar)
MAHIRAH BINTI RAFIE (Ketua Jabatan Hal Ehwal pelajar)

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN	PERKARA	M/SURAT
	Pendahuluan	1
	Kata – Kata Aluan Pengarah	2
	Kata – Kata Aluan Ketua Jabatan HEP	3
	Maklumat Am	4
A MAKLUMAT PENDAFTARAN	A1- Maklumat Pendaftaran A2 – Panduan Pendaftaran A3 – Maklumat Yuran A4 - Panduan Pembayaran Yuran A5 – Dokumen Yang Perlu Dibawa	5 6 7 9 15
B MAKLUMAT PTSS	B1 - Latarbelakang Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) B2 - Panduan Lokasi dan Pengangkutan B3 - Kemudahan Penginapan Kamsis (Asrama/Kolej Kediaman)) B4 - Keperluan Perbelanjaan dan Sara Hidup di Politeknik B5 - Peraturan Pakaian dan Rupa Diri Pelajar a) - Pakaian dan Rupadiri Pelajar Semasa Hari Pendaftaran b) - Pakaian dan Rupadiri Pelajar Politeknik c) - Jadual Bergambar Contoh Jenis Pakaian Yang Dibenarkan B6 - Hal-Hal lain	16 16 16 15 18 21
C LAMPIRAN	Peta Tunjuk Arah Senarai Semak Borang HEP1-HEP6 Borang MSP Pendaftaran Pelajar Baru Online Borang Maklumat Pelajar Kamsis Borang Senarai Inventori Bilik Kamsis Slip Penerimaan Kunci MyPTPTN Tetapan Bagi Membuka Akaun Bank Islam	23 24 25 43 44 46 47 48 49 60

PENDAHULUAN

TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG WARGA BAHARU PTSS

Terlebih dahulu, seluruh warga PTSS mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kedatangan semua siswa-siswi baharu ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis bagi Sesi II : 2023/2024. Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu ini mempunyai maklumat umum mengenai proses lapor diri pelajar baharu.

Buku panduan ini hendaklah dibaca dengan teliti dan difahami sepenuhnya. Setiap borang yang dilampirkan mestilah dilengkapkan dan dibawa semasa proses melapor diri di PTSS.

Semoga anda sekalian menjadi warga dan mahasiswa PTSS yang sentiasa patuh kepada semua disiplin dalam menuntut ilmu, di samping komited dan bergiat cergas dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kokurikulum, seterusnya berjaya dengan cemerlang dalam bidang yang diceburi demi agama, bangsa dan negara tercinta.

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih serta penghargaan kepada Pengarah, Timbalan Pengarah (Akademik), Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik), Ketua-ketua Jabatan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, semua Pegawai Kanan dan semua staf atas kerjasama yang dihulurkan sama ada secara langsung atau tidak langsung didalam memastikan proses pendaftaran pelajar baharu ini berjalan dengan lancar. Semoga kerjasama erat ini akan terus dikekalkan dalam usaha melahirkan graduan yang berkualiti untuk negara kita.

Sekian, terima kasih

Diterbitkan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis

KATA-KATA ALUAN

PENGARAH POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya pendaftaran pelajar baharu bagi sesi II : 2023/2024 dapat dijalankan. Saya mewakili warga PTSS ingin mengucapkan Selamat Datang dan Tahniah kepada semua pelajar baharu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Dalam era globalisasi ini, saudara dan saudari sekalian haruslah menyediakan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan, kemahiran teknikal dan juga ICT terkini.

Saudara dan saudari hendaklah berani mencari dan meneroka maklumat yang mampu memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara, yang akhirnya akan melahirkan para mahasiswa yang lebih kreatif, inovatif dan berhemah tinggi.

Bagi para pelajar baharu PTSS, tahun ini merupakan tarikh istimewa kerana para pelajar baharu menjelak kaki sebagai pelajar di PTSS ini. Bermulalah catatan seorang pelajar ‘poli’. Oleh itu, ambillah peluang ini untuk menimba ilmu dan bergraduasilah nanti sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang terbilang.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi II : 2023/2024 ini. Selamat maju jaya kepada semua pelajar baharu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Abdul Malek bin Hassan".

ABDUL MALEK BIN HASSAN

Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

KATA-KATA ALUAN

KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN



Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar baru sesi II:2023/2024 ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) yang terletak di negeri Perlis ini yang kecil tetapi indah lagi mempersona serta turut dikenali sebagai negeri ilmu. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ibubapa sekalian kerana impian untuk melihat anak-anak menjejakkan kaki ke menara gading telah tercapai. Jadikan tawaran belajar di PTSS ini sebagai asas untuk pelajar lebih maju dalam kehidupan akan datang.

Untuk makluman semua, antara misi penubuhan Politeknik adalah untuk membangunkan kurikulum yang dipimpin industri dan meningkatkan kesediaan graduan melalui penglibatan industri yang diselaraskan. Justeru, kualiti graduan PTSS yang akan dihasilkan kelak, sudah pasti berkualiti tinggi kerana mereka telah dibiasakan sejak tahun pertama pengajian lagi dengan segala pengajaran TVET seperti mana yang terdapat di industri.

PTSS menyediakan pelbagai kemudahan seperti bilik kuliah, dewan kuliah, kamsis, kafeteria, pusat sukan, pusat islam dan sebagainya bagi memudahkan pelajar menyeimbangi aktiviti akademik, jasmani dan rohani dalam kehidupan seharian. Pergunakanlah kemudahan yang disediakan ini sebaik mungkin semasa belajar di PTSS.

Akhir kata, saya mendoakan kejayaan para pelajar ini dalam melayari kehidupan sebagai mahasiswa dan mahasiswi agar menjadi insan yang dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

MAHIRAH BINTI RAFIE

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

MAKLUMAT AM

1. PENGENALAN

1.1 Visi Politeknik Malaysia:

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul.

1.2 Misi Politeknik Malaysia:

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

2. PERINGATAN PENTING

2.1 Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:

- i. memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
 - a. Kewarganegaraan
 - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
- ii. seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

2.2 Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal.

2.3 Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PTSS dengan **SEGERA** sekiranya didapati Buta Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor. Rujuk BHEP 2 (m/s 31).

1. Diploma Kejuruteraan Mekanikal
2. Diploma Teknologi Maklumat
3. Diploma Kejuruteraan Eletronik (Optoelektronik)
4. Diploma Kejuruteraan Eletronik (Komunikasi)
5. Diploma Kejuruteraan Eletronik (Komputer)
6. Diploma Pengurusan Pelancongan
7. Diploma Pengurusan Acara
8. Diploma Perkhidmatan Makanan Halal
9. Diploma Pengurusan Resort
10. Program Asasi TVET

***Syarat bagi program ini adalah calon tidak buta warna.**

2.4 Pelajar diminta mencetak sendiri Surat Tawaran di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri. Laman web ini akan ditutup satu (1) bulan selepas tarikh pelajar melapor diri di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

A. MAKLUMAT PENDAFTARAN

Sila baca maklumat berikut dengan teliti dan ambil tindakan yang sewajarnya agar proses pendaftaran anda dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya memulakan pengajian di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

(Pendaftaran anda akan terganggu sekiranya mana-mana perkara yang disebutkan di bawah tidak dipenuhi.)

A1. HARI PENDAFTARAN

Anda hendaklah hadir untuk mendaftar diri sebagai pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) seperti maklumat berikut :

Maklumat Pendaftaran	Semua Calon Pelajar Program Diploma
Tarikh	Rujuk Surat Tawaran
Masa	
Tempat	Kamsis, PTSS

Maklumat semasa :

Semakan Keputusan Kemasukan	5 Januari 2024
Pendaftaran Dalam Talian	Mulai 10 Januari 2024
Lapor Diri Kamsis (Asrama)	29 Januari 2024
Serahan Dokumen Pendaftaran	30 Januari 2024
Minggu Suai Kenal (MIHAS)	29 Januari 2024 – 2 Februari 2024
Minggu Kuliah Bermula	5 Februari 2024

A2. PANDUAN PENDAFTARAN

Pelajar perlu rujuk Carta Alir Panduan Pendaftaran seperti di bawah bagi memastikan proses pendaftaran berjalan dengan lancar.

A. PELAJAR DIPLOMA

Membuat setuju terima tawaran dan menghantar Borang Jawapan Tawaran (BJT) **SECARA POS** ke Politeknik dalam tempoh **10 hari**
(Layari portal rasmi :
<http://ambilan.mypolycc.edu.my>)



Membuat bayaran Yuran Pengajian, Yuran Kamsis,
Bayaran Pelbagai dan Yuran Keahlian MSP
(Rujuk Maklumat Bayaran di m/s 7)



Daftar secara *online* (**SELEPAS 3 HARI WAKTU BEKERJA** bayaran dilakukan) di laman web politeknik (SPMP/i-HELP) & **cetak Slip Pengesahan Pendaftaran** rujuk m/s 44



Lengkapkan Senarai Semak **(Rujuk m/s 24)**



Melapor diri ke PTSS
Tarikh Lapor Diri : Rujuk Surat Tawaran

A3. MAKLUMAT YURAN

Semua pelajar **PERLU MEMBUAT BAYARAN** Yuran Pengajian, Yuran Kamsis, Bayaran Pelbagai dan Yuran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (**MSP**) **SEBELUM** mendaftar di politeknik.

JADUAL YURAN PENGAJIAN, YURAN KAMSIS, BAYARAN PELBAGAI DAN YURAN KEAHLIAN MSP PELAJAR BAHARU SESI II : 2023/2024

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1.	Yuran Pengajian = RM200 Yuran Kamsis = RM60	260.00	<p>Bayar secara <i>online</i> melalui JomPay dengan melakukan satu transaksi sahaja (RM260).</p> <p>(Akaun Simpanan / <i>Saving Account</i> Sahaja)</p> <p style="text-align: center;">Biller Code : 887059 Biller Code Nama : PTSS Ref-1 : No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa -) Ref-2 : No Telefon Pelajar (tanpa -)</p>
2.	Bayaran Pelbagai	300.00	<p>Bayaran melalui CDM / ATM / Perbankan Internet (Bank Islam sahaja)</p> <p style="text-align: center;">**Sila rujuk Kaedah Pembayaran Bayaran Pelbagai di m/s 13</p>
3.	Yuran Keahlian Majlis Sukan Politeknik (MSP)	40.00	<p>Bayaran melalui Pindahan Wang ke Akaun Bank Islam Malaysia</p> <p style="text-align: center;">Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik (Akaun Semasa) Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad No Akaun : 04033010039632</p>
4.	Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.		

NOTA :

- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian, Yuran Kamsis, Bayaran Pelbagai dan Yuran MSP.
- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- Setiap resit bayaran yuran hendaklah di buat salinan dan resit asal hendaklah di simpan oleh pelajar sebagai bukti pembayaran.
- Pelajar program Diploma yang mendapat tajaan/pembiayaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta **DIWAJIBKAN** menghantar surat pengesahan penajaan. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja ataupun dalam proses permohonan kepada penaja hendaklah dijelaskan oleh pelajar sebelum hari pendaftaran. Sekiranya tajaan/ pembiayaan sebahagian sahaja, pelajar perlu menjelaskan dahulu Yuran Pengajian.
- Disarankan pelajar mempunyai akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi memudahkan urusan pinjaman PTPTN.
- Perkhidmatan ATM Bank Islam disediakan di kawasan politeknik.

**** Bayaran pelbagai merangkumi bayaran untuk baju PTSS, insurans kelompok, kad pelajar, beg kanvas, sarung tilam, saham koperasi PTSS dan keperluan mengikut jabatan akademik masing-masing.**

A4. PANDUAN PEMBAYARAN YURAN

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN KAMSI

1. Kenalpasti

Biller Code : 887059

Biller Code Nama : PTSS

Ref-1 : No Kad Pengenalan Pelajar (**tanpa -**)

Ref-2 : No Telefon Pelajar (**tanpa -**)

2. Bayaran

- Daftarkan masuk ke Bank pilihan anda secara atas talian.



- Seterusnya cari pilihan bayaran secara JomPay yang kebiasaannya terletak di bahagian Pembiayaan Bil (*Bill Payment/ Pay Bills*).





iii. Isi maklumat yang berkaitan didalam ruangan yang disediakan.

**Jom
PAY** BILL PAYMENT

From : Select Account Pilih akaun anda

Biller Code * :

Amount (RM) * :

Ref - 1 * :

Ref - 2 :

iv. Pastikan anda mengisi ruang kosong seperti di bawah:

- i. Biller Code : 887059
- ii. Amount (RM) : 260.00
- iii. Ref-1 : No Kad Pengenalan Pelajar (tanpa-)
- iv. Ref-2 : No Tel (tanpa-)

The form shows fields for 'From' (Select Account), 'Biller Code *' (887059), 'Amount (RM) *' (260.00), 'Ref - 1 *' (empty), and 'Ref - 2' (empty). Red arrows labeled I, II, III, and IV point to the 'Biller Code', 'Amount', 'Ref - 1', and 'Ref - 2' fields respectively.

From :	Select Account
Biller Code *	887059
Amount (RM) *	260.00
Ref - 1 *	
Ref - 2 :	

v. Setelah anda mengisi maklumat tersebut, sila pastikan **AMOUNT** dan **NO TAC** yang dimasukkan adalah betul. Kemudian Klik butang **SUBMIT**.

The form displays the filled-in information from the previous step. It includes fields for 'Biller Code *' (887059), 'Amount (RM) *' (260.00), 'Ref - 1 *' (empty), 'Ref - 2' (empty), and 'TAC *' (*****). A note at the bottom left says 'Pastikan anda telah klik di kotak ini' with an arrow pointing to a checkbox. Another note below it says 'Please enter the necessary information * indicate compulsory field'. At the bottom, there is a 'Klik di sini jika setuju' button with a right-pointing arrow, a checked checkbox, and the text 'I certify I have read & agree to the Terms & Conditions'. There are also 'SUBMIT' and 'CANCEL' buttons.

Biller Code *	887059
Amount (RM) *	260.00
Ref - 1 *	
Ref - 2 :	
TAC *	*****

Please enter the necessary information
* indicate compulsory field

Pastikan anda telah klik di kotak ini → I certify I have read & agree to the
Terms & Conditions

Klik di sini jika setuju → SUBMIT CANCEL

3. Pengesahan

- i. Transaksi yang berjaya akan disertakan dengan nombor rujukan JomPay bagi rujukan pelajar.



**** Resit bukti pembayaran (asli) hendaklah disimpan oleh pelajar sebagai rujukan.**

KAEDAH PEMBAYARAN BAYARAN PELBAGAI

Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut :

- a. Perkhidmatan Perbankan Internet (bankislam.biz)
- b. Pembayaran di Mesin ATM Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
- c. Mesin Cash Deposit (CDM) Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

a. Pembayaran melalui Perbankan Internet (bankislam.biz)

Syarat : Pembayar perlu mempunyai akaun BIMB dan ID untuk mengakses perbankan internet Bank Islam.

1. Sila layari <https://www.bankislam.biz/>
2. Klik logo "Internet Banking Login"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih menu "Bill Presentment" pada menu
5. Masukkan "No Kad Pengenalan pelajar" pada ruangan IC dan klik "next"
6. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih "Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin"
7. Maklumat Bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account yang hendak didebitkandan masukkan jumlah amaun sejumlah RM300.00 dan klik "Pay"
8. Maklumat bayaran dipamerkan untuk tujuan varikasi. Klik "Confirm" untuk pengesahan pembayaran.
9. Cetak pengesahan pembayaran sebagai bukti pembayaran.

b. Pembayaran melalui Mesin ATM Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

1. Masukkan kad ATM Bank Islam dan katalaluan
2. Pilih Menu "Lain-lain"
3. Pilih Menu "Pembayaran Bil dan Yuran IPT"
4. Pilih Menu "Yuran IPT"
5. Pengesahan No akaun oleh pemilik akaun
6. Masukkan nombor kad pengenalan pelajar 12 angka dan klik "Teruskan"
7. Pilih "Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin"
8. Masukkan jumlah RM300.00, sahkan transaksi
9. Transaksi selesai dan ambil resit

c. Pembayaran melalui Mesin Cash Deposit (CDM) Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

1. Tekan papan kekunci atau skrin
2. Pilih Menu "Yuran IPT / Bill Presentment"
3. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar 12 angka dan tekan "Ya"
4. Pilih "Koperasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin"
5. Masukkan duit (RM300.00) ke dalam slot
6. Transaksi selesai dan ambil resit

KAEDAH PEMBAYARAN YURAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA

1. Bayaran boleh dibuat sebanyak RM40.00 melalui **Pindahan Wang** sahaja (*Fund Transfer*) ke akaun **Tetuan Majlis Sukan Politeknik**.
2. Sila nyatakan **No Kad Pengenalan** pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran.
3. Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.

Nama Akaun : Tetuan Majlis Sukan Politeknik

Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad

No Akaun : 04033010039632

A5. DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA

Dokumen-dokumen berikut mesti dilengkapkan dan dibawa semasa melapor diri di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Sila rujuk dan cetak Senarai Semak di bahagian Lampiran (m/s 24)

1. Pastikan dokumen/ item telah dilengkapkan dan dibawa mengikut Senarai Semak yang diberi.
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan/ swasta dengan tanggungan sendiri.
3. Sekiranya kehilangan sijil **SPM/SPMV**, anda perlu mendapatkan salinan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Jika tidak, anda tidak dibenarkan mendaftar.
4. Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas di Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan Negeri/ Pejabat Daerah/ Badan Berkanun
 - b. Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)
 - c. Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP)
 - d. Ketua Masyarakat
 - e. Wakil Rakyat/ Senator
 - f. Pengamal Undang-undang
 - g. Pesuruhjaya Sumpah
 - h. Jaksa Pendamai
 - i. Penghulu/ Penggawa/ Ketua Kampung/ Pemanca/ Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan)

PERINGATAN:

Jika anda tidak mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dan tidak membuat pembayaran seperti yang dinyatakan maka pihak politeknik berhak **MENOLAK** dan pelajar **TIDAK DIBENARKAN MENDAFTAR**

B. MAKLUMAT PTSS

B1. LATAR BELAKANG POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN (PTSS)

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) merupakan sebuah politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang ke-18 ditubuhkan. Pada awalnya, politeknik ini dikenali sebagai Politeknik Perlis dan mula beroperasi dengan kemasukan staf pertama pada 16 Mei 2003 menggunakan pejabat sementara di Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Jitra, Kedah. Kampus tetap ini telah siap sepenuhnya pada tahun 2004. Pada 22 Mei 2006, Politeknik Perlis telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin.

Semenjak daripada itu, nama Politeknik Perlis dengan rasminya ditukar kepada Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Kampus PTSS terletak dalam kawasan Pauh Putra dengan pekan terdekatnya ialah Arau iaitu sejauh 9 km. Kampus ini juga terletak bersempadan dengan Negeri Kedah iaitu kira-kira 10 km dari pekan terdekat Changlun. Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin boleh dikunjungi dengan mudah menggunakan Lebuhraya Kuala Perlis – Changlun.

B2. PANDUAN LOKASI

Maklumat lokasi Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin boleh dirujuk di Lampiran atau anda boleh melayari laman web www.ptss.edu.my

B3. KEMUDAHAN PENGINAPAN DI KOLEJ KEDIAMAN

Bagi memastikan para pelajar baharu dapat menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran di politeknik, mereka **DIWAJIBKAN** untuk tinggal di kamsis yang disediakan. Manakala bagi pelajar senior semester 2 dan ke atas, mereka yang memerlukan kemudahan penginapan kamsis perlu membuat permohonan pada setiap hujung semester.

Tawaran penginapan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat dan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan kamsis.

Untuk keselesaan pelajar baharu yang tinggal di Kolej Kediaman, barang keperluan seperti berikut perlu **DISEDIAKAN SENDIRI** (jumlah boleh ditambah mengikut keperluan masing-masing):

- Bantal
- 1 helai selimut.
- 1 set sarung bantal dan cadar.
- 1 pasang lengkap Baju Melayu (warna bebas) – siswa Muslim.
- 1 pasang Baju Kurung (warna bebas) – sisiwi Muslim.
- Songkok berwarna hitam – siswa Muslim.
- Tudung – sisiwi Muslim.
- Kasut ke kuliah dan kasut sukan.
- Pakaian harian secukupnya untuk ke kuliah. **Sila rujuk perkara B5 – Peraturan Pakaian dan Rupadiri Pelajar.**
- Barang kemas tidak digalakkan.

Kedai Koperasi Politeknik (mini market) ada menjual semua keperluan para pelajar meliputi keperluan peribadi (seperti baldi, berus & ubat gigi, sabun mandi dan lain-lain) dan keperluan untuk ke kuliah (seperti alatulis, kalkulator saintifik dan lain-lain). Pelajar boleh mendapatkan segala keperluan mereka di situ dan harga barang yang dikenakan adalah pada kadar yang berpatutan.

B4. KEPERLUAN PERBELANJAAN DAN SARA HIDUP DI POLITEKNIK

Pelajar perlu menanggung sendiri perbelanjaan sehari mereka semasa mengikuti pengajian di Politeknik. Antara kos yang terlibat termasuklah perbelanjaan makan dan minum sehari-hari, keperluan pembelajaran seperti buku nota, alatulis, fotostat dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pelajar boleh memohon pinjaman/biasiswa pendidikan daripada senarai penaja pinjaman yang bersedia memberi kemudahan tersebut. Perkara tersebut akan diuruskan oleh pihak politeknik selepas pelajar mendaftar. Namun begitu, pelajar bolehlah melayari www.ptss.edu.my untuk mengetahui maklumat penaja pinjaman/biasiswa yang tersenarai.

B5. PERATURAN PAKAIAN DAN RUPADIRI PELAJAR

Semua pelajar adalah tertakluk kepada Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib), 1976 (Akta 174) dan pindaan-pindaannya serta semua peraturan bertulis di Politeknik. Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar beragama Islam) dan sopan seperti pakaian ke pejabat. Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah dilarang. Pelajar lelaki mesti berambut pendek dan tidak dibenarkan memakai sebarang barang kemas.

Peraturan-peraturan ini perlulah diikuti oleh semua pelajar pada hari pendaftaran nanti dan juga di sepanjang pengajian di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Berikut adalah pakaian dan rupadiri yang dibenarkan dan peraturan rambut sepanjang masa sebagai pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Pelajar yang melanggar akta/peraturan yang ditetapkan oleh politeknik boleh dikenakan tindakan disiplin atau denda seperti yang termaktub di dalam Akta 174.

a) Pakaian dan Rupadiri Pelajar Semasa Hari Pendaftaran

PELAJAR	PERKARA
Lelaki	<ul style="list-style-type: none">✓ Baju Kemeja dan bertali leher.✓ Seluar panjang (slack-berwarna hitam).✓ Kasut bertutup (warna gelap).✓ Rambut pendek, kemas dan tidak diwarnakan.
Perempuan	<ul style="list-style-type: none">✓ Baju kurung ATAU blouse dan berkain labuh.✓ Bertudung (bagi muslim)✓ Kasut bertutup (warna gelap).✓ Pakaian mestilah sopan di mana ianya labuh dan tidak ketat.

b) Pakaian dan Rupadiri Pelajar Politeknik

PERKARA	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
a) Pakaian ke kuliah (semua pelajar)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kemeja lengan panjang/pendek. ○ Tali leher (pilihan). ○ Seluar panjang (slack) yang TIDAK ketat. ○ Seluar ketat / jeans DILARANG. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Baju kurung/Blouse ○ Kain/Maxi/Skirt labuh & longgar ○ Seluar panjang (slack) yang TIDAK ketat ○ Seluar ketat / jeans DILARANG.
b) Pakaian ke bengkel (Pelajar Kejuruteraan)	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kemeja lengan panjang/pendek. ○ Baju T berkollar. ○ Seluar panjang (slack). ○ Seluar ketat / jeans DILARANG. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Baju kurung/Blouse ○ Kain/Maxi/Skirt labuh dan longgar. ○ Seluar panjang (slack). ○ Seluar jeans / ketat / jarang DILARANG.
c) Kasut	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kasut yang sesuai dan berstokin (kulit/kain/sukan). ○ Selipar, terompah, capal, selipar dan sebagainya adalah dilarang. ○ Kasut Keselamatan / safety boots (wajib bagi pelajar Kejuruteraan Mekanikal) - boleh diperolehi di kedai hardware. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kasut yang sesuai dan berstokin (kulit/kain/sukan). ○ Selipar, terompah, capal, selipar dan sebagainya adalah dilarang. ○ Kasut Keselamatan / safety boots (wajib bagi pelajar Kejuruteraan Mekanikal) - boleh diperolehi di kedai hardware.
d) Rambut	<ul style="list-style-type: none"> ○ Pendek, kemas dan tidak diwarnakan. ○ Aras belakang tidak melebihi paras kollar baju. ○ Aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga. ○ Aras depan tidak melebihi dahi ○ Tidak botak kecuali syariat agama 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kemas dan beridentitikan pelajar perempuan. ○ Pelajar Islam dimestikan bertudung seperti syariat agama. ○ Tidak mewarnakan rambut.
e) Perhiasan	<ul style="list-style-type: none"> ○ Sebarang bentuk perhiasan adalah dilarang kecuali cincin daripada bahan bukan emas. 	<ul style="list-style-type: none"> ○ Tidak digalakkan memakai barang kemas. ○ Dilarang mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan.

c)

Contoh Jenis Pakaian Yang Dibenarkan

Jenis Pakaian Yang Dibenarkan (Pakaian Hendaklah Sentiasa Kemas)



PELAJAR LELAKI



PELAJAR PEREMPUAN

B6. HAL-HAL LAIN

- **Peraturan dan Disiplin Pelajar**

Selepas selesai mendaftar, pelajar secara rasminya tertakluk kepada peraturan disiplin politeknik termasuk peraturan kamsis (bagi pelajar yang tinggal di kamsis). Kegagalan mematuhi peraturan disiplin ini boleh mengakibatkan pelajar dikenakan tindakan denda, disekat daripada menggunakan kemudahan politeknik, digantung pengajian atau diberhentikan pengajian.

Pelajar dipohon agar sentiasa mematuhi peraturan dan disiplin sepanjang masa bergelar pelajar politeknik.

Peringatan: Pelajar bertanggungjawab menjaga nama baik politeknik sepanjang masa dan wajib mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa termasuk Akta 174 sepanjang masa samada di dalam kampus atau di luar kampus.

- **Minggu Haluan Siswa (MIHAS) Pelajar Baharu**

Semua pelajar baharu **WAJIB** mengikuti Program Minggu Haluan Siswa (MIHAS) selepas mereka mendaftar. Sila rujuk aturcara program seperti yang terdapat di dalam buku program yang akan diedarkan pada hari pendaftaran nanti.


- **Gambar Pelajar**

Sediakan **empat (4)** keping gambar warna terbaru beserta **latarbelakang merah** yang bersaiz pasport untuk dibawa pada hari pendaftaran. Sila catatkan nama penuh dan program anda di belakang setiap gambar. **Panduan gambar adalah seperti berikut:**

- Pelajar lelaki hendaklah berbaju kemeja & bertali leher serta berambut pendek dan tidak diwarnakan.
Boleh juga memakai baju t-shirt berkollar.
- Pelajar perempuan hendaklah berbaju kurung atau blouse. Bagi pelajar Perempuan Islam hendaklah bertudung.

LAMPIRAN

PETA TUNJUK ARAH



Alamat :

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Pauh Putra, 02600 Arau,
Perlis



SENARAI SEMAK

Bil	Dokumen Pendaftaran	Tindakan Calon (/)
1	Kad Pengenalan	
2	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Asal)	
3	Sijil Aktiviti Pelajar (Asal)	
4	Sijil Berhenti Sekolah (Asal)	
5	Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP1 – BHEP6)	
6	Gambar berukuran passport (4 keping dan latarbelakang gambar warna merah)	
7	1 salinan resit bayaran YURAN PENGAJIAN DAN KAMSIS	
8	1 salinan resit BAYARAN PELBAGAI	
9	1 salinan resit bayaran YURAN MSP	
10	Surat Pengesahan Penajaan (jika ada)	
11	Salinan Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) KECACATAN PENDENGARAN (pelajar Sijil Kemahiran Khas)	

Bil	Dokumen Kamsis	Tindakan Calon (/)
1	Slip Pengesahan Pendaftaran dalam Talian (Online)	
2	Borang Maklumat Pelajar Kamsis	
3	Borang Senarai Inventori Bilik Kamsis	
4	Slip Penerimaan Kunci	

Dokumen Lengkap

Dokumen Tidak Lengkap

Tandatangan pegawai bertugas

Tarikh :

Tandatangan & Cop Rasmi
Pegawai Penyemak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BORANG HAL EHWAL PELAJAR (BHEP 1-6)

Semua calon pelajar adalah dikehendaki untuk melengkapkan Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP 1-6) Politeknik dan Kolej Komuniti. Borang-borang yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut:

BIL	BORANG	SEMAKAN PELAJAR	SEMAKAN PEGAWAI	CATATAN
1	BHEP 1 Borang Maklumat Peribadi Pelajar			<ul style="list-style-type: none">- BHEP 1-1/4: Sila lekatkan gambar terbaru berukuran passport.- BHEP 1-2/4 dan 3/4 : Kepilkhan slip gaji / penyata pencen terkini dan disahkan.- Jika Bekerja Sendiri / Tidak Bekerja. Isi Borang Pengesahan Pendapatan BHEP 6a/ 6b/ 6c.
2	BHEP 2 Laporan Pemeriksaan Kesihatan			<ul style="list-style-type: none">- Perlu dibuat di Klinik atau Hospital Kerajaan/Swasta serta ditandatangan oleh Doktor bertauliah
3	BHEP 3 Perakuan Pelepasan Tanggungjawab <ul style="list-style-type: none">i. BHEP 3a Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/Bapa/Penjaga)ii. BHEP 3b Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar)			<ul style="list-style-type: none">- Perlu ditandatangan oleh Ibu/ bapa/ penjaga dan saksi
4	BHEP 4 Kebenaran Ibu/bapa/penjaga untuk rawatan pembedahan			<ul style="list-style-type: none">- Perlu ditandatangan oleh Ibu/ bapa/ penjaga dan saksi
5	BHEP 5 Aku Janji Pelajar			<ul style="list-style-type: none">- Perlu ditandatangan oleh calon pelajar dan saksi.
6	BHEP 6 Borang Pengesahan Pendapatan <ul style="list-style-type: none">i. BHEP 6a Borang Pengesahan Pendapatan Bapaii. BHEP 6b Borang Pengesahan Pendapatan Ibuiii. BHEP 6c Borang Pengesahan Pendapatan Penjaga			<ul style="list-style-type: none">- Diisi jika tiada slip gaji/ penyata pencen.- Perlu ditandatangan oleh calon/ Ibu/ bapa/ penjaga dan saksi.- Kepilkhan Salinan Slip Bayaran Bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, NGO dan lain-lain (sekiranya berkaitan)

Semua borang hendaklah **LENGKAP** dan perlu diserahkan pada hari pendaftaran pelajar baru.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**BORANG HAL EHWAL PELAJAR
(BHEP1 – BHEP6)**

ARAHAN:

1. Sila lengkapkan **SEMUA** borang dengan sempurna.
2. Susun mengikut tertib dan bawa Borang Hal Ehwal Pelajar ini pada Hari Pendaftaran.

NAMA PELAJAR

- -

NO. KP - -

**NO.
PENDAFTARAN**

*No. pendaftaran hanya akan diterima selepas pendaftaran dalam talian.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BORANG MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR

LEKATKAN
GAMBAR
BERWARNA
TERKINI
BERUKURAN
PASPORT

MAKLUMAT PELAJAR			
Nama Pelajar (seperti dalam Kad Pengenalan)			
No. Kad Pengenalan			
Tarikh Lahir		Jantina	
Bangsa		Agama	
Warganegara			
Status perkahwinan	Bujang/Kahwin/Duda/Janda		
Bilangan adik-beradik			
No. Telefon			
Alamat Surat Menyurat			
Alamat E-Mel			
Jenis Penyakit Pernah / Sedang Dihadapi (Jika Ada)			
Status OKU	Ya / Tidak	Jika Ya, Nyatakan (Jenis Kecacatan) : _____	
		No. Pendaftaran OKU (jika ada) : _____	

MAKLUMAT BAPA/PENJAGA			
Nama Bapa (seperti dalam Kad Pengenalan)			
Hubungan (Jika Penjaga)			
Bangsa			
Status	Berkahwin / Bercerai / Balu / Meninggal Dunia		
No. Kad Pengenalan			
No. Telefon (Bimbit/Rumah)		No. Telefon (Pejabat)	
Pekerjaan (Tanda dan kepilkhan dokumen yang berkenaan sahaja)	<p>Kepilkhan slip gaji/ penyata pencec yang terkini jika:</p> <p>i. (<input type="checkbox"/>) Kerajaan. Nyatakan pekerjaan :.....</p> <p>ii. (<input type="checkbox"/>) Swasta. Nyatakan pekerjaan :.....</p> <p>iii. (<input type="checkbox"/>) Pesara</p> <p>Isi Borang Pengesahan Pendapatan (BHEP 6) jika:</p> <p>iv. (<input type="checkbox"/>) Sendiri. Nyatakan pekerjaan:.....</p> <p>v. (<input type="checkbox"/>) Tidak Bekerja</p>		
Tempat Bekerja/Syarikat/ Organisasi (Wajib isi jika tanda pada i / ii / iii)			
Pendapatan Sebulan (RM) (Jumlah pendapatan sama seperti pada slip gaji/penyata pencec/ BHEP 6)			
Bil Tanggungan	<p>_____ orang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan tanggungan = isteri +anak (anak kandung/ anak tiril/ anak angkat yang tidak bekerja) • Anak-anak yang telah bekerja atau telah berumahtangga dan berumur 21 tahun ke atas TIDAK TERMASUK di bawah tanggungan ibu/bapa/penjaga walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada anak kurang upaya atau masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di peringkat Ijazah Pertama 		
Alamat Surat Menyurat			
Alamat E-Mel			

MAKLUMAT IBU /PENJAGA			
Nama Ibu (seperti dalam Kad Pengenalan)			
Hubungan (Jika Penjaga)			
Bangsa			
Status	Berkahwin / Bercerai / Duda / Meninggal Dunia		
No. Kad Pengenalan			
No. Telefon (Bimbit/Rumah)		No. Telefon (Pejabat)	
Pekerjaan (Tanda dan kepilkhan dokumen yang berkenaan sahaja)	<p>Kepilkhan slip gaji/ penyata penceh yang terkini jika:</p> <p>i. (<input type="checkbox"/>) Kerajaan. Nyatakan pekerjaan :.....</p> <p>ii. (<input type="checkbox"/>) Swasta. Nyatakan pekerjaan :.....</p> <p>iii. (<input type="checkbox"/>) Pesara</p> <p>Isi Borang Pengesahan Pendapatan (BHEP 6) jika:</p> <p>iv. (<input type="checkbox"/>) Sendiri. Nyatakan pekerjaan:.....</p> <p>v. (<input type="checkbox"/>) Tidak Bekerja</p>		
Tempat Bekerja/Syarikat/ Organisasi (Wajib isi jika tanda pada i /ii / iii)			
Pendapatan Sebulan (RM) (Jumlah pendapatan sama seperti pada slip gaji/penyata penceh/ BHEP 6)			
Bil Tanggungan	<p>_____ orang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan tanggungan = anak (anak kandung/ anak tiru/ anak angkat yang tidak bekerja) • Anak-anak yang telah bekerja atau telah berumahtangga dan berumur 21 tahun ke atas TIDAK TERMASUK di bawah tanggungan ibu/bapa/penjaga walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada anak kurang upaya atau masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di peringkat Ijazah Pertama 		
Alamat Surat Menyurat			
Alamat E-Mel			

MAKLUMAT WARIS TERDEKAT (SELAIN IBU/BAPA/PENJAGA)	
Nama Waris	
Hubungan	
No. Telefon (Bimbit/Rumah)	
Alamat Surat Menyurat	



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

REPORT OF MEDICAL EXAMINATION

(Pemeriksaan boleh dijalankan/dilakukan di hospital kerajaan atau swasta)

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PELAJAR <i>Section A : Personal Details</i>			
Nama Pelajar (seperti dalam KP)			
No. Kad Pengenalan			
Tarikh Lahir		Jantina	
Bangsa		Agama	
Status	Bujang/Kahwin/Duda/Janda		
Program			
Nama Ibu/bapa/Penjaga (seperti dalam KP)			
No. Telefon Pelajar		No. Telefon Ibu/bapa/ Penjaga	
Alamat Surat Menyurat			

BAHAGIAN B: PENGAKUAN PERIHAL PENYAKIT SENDIRI & KELUARGA * Sila tandakan dalam kotak berkenaan (<input checked="" type="checkbox"/> = ADA penyakit atau <input type="checkbox"/> = TIADA penyakit) <i>Section B : Health Declaration</i> * Please tick (<input checked="" type="checkbox"/> / <input type="checkbox"/>) in appropriate column			
JENIS PENYAKIT Type of illness	SENDIRI Self	KELUARGA Family	Sekiranya ADA, nyatakan rawatan yang diterima If "YES", please state details
Penyakit Kritikal Serious Illness			
Pembedahan Surgery			
Batuk Kering Tuberculosis			
Kencing Manis Diabetic			
Penyakit Mental Mental Illness			
Lelah Asthma			
Alahan Alergy			
Penagihan Dadah Drug Addiction			

HIV AIDS			
Kanser Cancer			
Buah Pinggang Kidney Disease			
Jantung Heart Diseases			
Gastrik Gastric			
Tiroid Thyroid Diseases			
Migrain Migraine			
Sawan Epilepsy			
Kecacatan Anggota Deformities			
Kemurungan Depression			
Lain-Lain Penyakit Others			

PENGAKUAN PEMOHON <i>Declaration of Applicant</i>	
<p>Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di Bahagian A dan Bahagian B adalah benar.</p> <p><i>I hereby certify that the above information is true and complete.</i></p> (Tandatangan Pemohon) <i>Signature</i> Tarikh: <i>Date</i>

BAHAGIAN C: UNTUK DILENGKAPKAN OLEH DOKTOR PEMERIKSA Section C : To be completed by the Examining Doctor			
PEMERIKSAAN UMUM / GENERAL EXAMINATION			
Tinggi <i>Height (cm)</i>		Berat <i>Weight (kg)</i>	
